



BARISAN NASIONAL MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

JENAYAH ROGOL BUKAN BAHAN LAWAK BAGI SEORANG GURU KEPADA PELAJARNYA

KUALA LUMPUR, 25 April 2021 - Tindakan seorang guru lelaki di Selangor yang didakwa membuat lawak rogol ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, disifatkan sebagai tidak profesional dan memalukan institusi keguruan di negara ini.

Kejadian itu tidak boleh dianggap terencil dan Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM, perlu mengambil tindakan tegas ke atas guru terbabit jika terbukti perkara itu berlaku.

Sebagai bekas Pengetua sekolah dan juga bekas Menteri Pendidikan, saya merasakan perkara itu memalukan institusi keguruan di negara ini. Dalam apa jua situasi sekalipun, perkara itu tidak seharusnya dijadikan sebagai bahan untuk berlawak kerana rogol itu sendiri adalah perbuatan jenayah yang sama sekali tidak wajar dipromosikan lebih-lebih lagi oleh seorang bernama guru.

Jenayah rogol sepatutnya digunakan oleh seorang guru untuk mendidik anak muridnya menjauhi perbuatan itu dan bukannya dijadikan sebagai bahan satira atau jenaka.

Bagi saya, ini juga berkaitan dengan akhlak seorang guru. Kita bukan nak mengambil pendekatan menghukum akhlak keseluruhan guru-guru di Malaysia, tetapi kesedaran mengenai batasan percakapan itu perlu ada dalam diri setiap guru agar semua anak murid di dalam kelas tidak merasa terganggu emosi mereka dengan akhlak dan perlakuan guru mereka. Ini bagi saya amat penting untuk kita faham.

Justeru, KPM perlu segera menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut garis panduan peraturan dan sebagainya.

YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID
KETUA PASUKAN KHAS PENDIDIKAN BARISAN NASIONAL
26 April, 2021 / 14 Ramadhan 1442H